

**GARIS PANDUAN BAGI KELULUSAN
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967 (ACP) BAGI
INSTITUSI/ORGANISASI/TABUNG**

**BAHAGIAN KELULUSAN DAN PEMANTAUAN
JABATAN DASAR PERCUKAIAN**

KANDUNGAN

01 BAHAGIAN A

1. Pematuhan Syarat-Syarat Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6), 44(7A) dan 44(7B) ACP
2. Pematuhan Kepada Larangan Ke Atas Institusi Atau Organisasi Atau Tabung yang Diluluskan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP
3. Implikasi Serta Akibat Pelanggaran Syarat-Syarat Dan Larangan Kelulusan
4. Peringatan Penting



BAHAGIAN A

TANGGUNGJAWAB IOT DALAM TEMPOH KELULUSAN

**1. PEMATUHAN
SYARAT KELULUSAN
DI BAWAH SUBSEKSYEN**

44(6), 44(7A) DAN 44(7B) ACP

IOT mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:

1.1

Terus beroperasi dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan semata-mata.

1.2



Derma tunai yang diterima perlu dikeluarkan resit rasmi subseksyen 44(6) ACP yang memenuhi format resit di perenggan 4.8 garis panduan.

1.3




Resit rasmi hanya boleh dikeluarkan oleh IOT diluluskan dan tidak boleh digunakan oleh pihak lain.

1.4



Resit layak diberi kepada penderma yang memberikan maklumat lengkap yang ditetapkan bagi individu dan selain individu. Resit tidak layak diberi kepada penderma atau IOT yang melanggar syarat di perenggan 3.4 garis panduan.



1.5

Permohonan kelulusan secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN **sebelum** pertambahan/pelupusan aset atau harta tambahan, pertukaran ALPA/ALP/AJK, pindaan perlembagaan/surat ikatan amanah atau peraturan tabung, sebarang pertukaran alamat atau pembubaran atau penyerahan balik status kelulusan.

1.6




Kelulusan/kebenaran bertulis daripada **Menteri Kewangan** sebelum menjalankan sebarang aktiviti di luar negara. Salinan kelulusan/kebenaran tersebut hendaklah dihantar kepada KPHDN.

1.7



Penggunaan dana untuk melaksanakan aktiviti bagi mencapai objektif IOT seperti yang ditetapkan. 50% atau 60% pendapatan tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya semata-mata untuk mencapai objektif.

Institusi atau Organisasi kecuali Tabung boleh menjalankan perniagaan selaras dengan peruntukan perenggan 44(7A)(a) dan subseksyen 44(7B) ACP dengan mematuhi syarat peratusan penggunaan dana terkumpul dan perbelanjaan aktiviti objektif.



1.8

Institusi atau Organisasi yang bercadang untuk membuat pelaburan adalah tertakluk kepada Dasar Pelaburan yang ditetapkan.

1.9



Pengemukaan penyata kewangan beraudit, borang nyata cukai pendapatan dan pengiraan cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Jika mempunyai cawangan, penyata kewangan beraudit hendaklah disatukan dan IOT digalakkan membuat hebahan penyata kewangan beraudit kepada pihak awam.

1.10




IOT yang bergantung kepada sumber dana daripada pengasas/ahli/anggota pengasas/kumpulan syarikat hendaklah membuat hebahan status kelulusan KPHDN kepada awam dan memberi penjelasan berhubung tujuan dan penggunaan dana terkumpul dalam penyata kewangan beraudit.

1.11



Pengemukaan maklumat tambahan iaitu senarai lengkap penderma RM20,000 ke atas, senarai penerima bantuan dan senarai aktiviti yang dilaksanakan bersama-sama pengemukaan penyata kewangan beraudit.



1.12

Semua rekod dan dokumen IOT hendaklah disimpan untuk dikemukakan bagi tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

1.13



Sekiranya IOT berhasrat untuk dibubarkan atau menyerahkan balik status kelulusan, permohonan kelulusan oleh KPHDN hendaklah dikemukakan dalam tempoh 90 hari bekerja dari tarikh resolusi ALPA/ALP/AJK dibuat merujuk kepada senarai semak yang berkenaan. Pembubaran tidak boleh dilaksanakan sebelum kelulusan bertulis KPHDN diperolehi.



**2. LARANGAN KE ATAS IOT
YANG TELAH DILULUSKAN
DI BAWAH SUBSEKSYEN**

44(6) ACP

IOT **dilarang** daripada melakukan perkara-perkara berikut :

-  melabur di dalam syarikat subsidiari dengan pegangan saham melebihi 49%;
 -  membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif IOT;
 -  membenarkan IOT lain menggunakan resit kelulusan subseksyen 44(6) ACP cukai; dan
 -  menerima derma daripada syarikat subsidiari yang mana IOT memegang lebih 49% saham;
 -  melibatkan diri dalam pembiayaan sebarang aktiviti keganasan;
 -  melanggar syarat di perenggan 1 Bahagian B garis panduan ini.
 -  menggunakan logo rasmi HASiL atau mengubahsuai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
 -  mengatur atau pun terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram;
 -  menjalankan sebarang bentuk aktiviti perniagaan dan terlibat dalam aktiviti pelaburan; dan
 -  melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangannya, ahli/staf dan premis/harta digunakan untuk tujuan tersebut;
 -  menyalahgunakan dana awam bagi tujuan lain yang tidak selari dengan objektif yang telah digariskan dan boleh menjurus kepada ketirisan hasil;
 -  membeli atau menambah sebarang bentuk aset alih atau tidak alih tanpa kelulusan KPHDN.
- ❖ *Larangan tambahan bagi Tabung;*


**3. IMPLIKASI SERTA AKIBAT
PELANGGARAN
SYARAT-SYARAT DAN
LARANGAN KELULUSAN**

IOT yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP akan menikmati pengecualian cukai di bawah subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.

Cukai pendapatan boleh dikenakan kepada IOT dalam tempoh kelulusan apabila melanggar mana-mana **syarat dan larangan kelulusan**.

- ❖ Kadar cukai dikenakan mengikut jenis fail cukai yang didaftarkan dan cukai dibangkitkan dalam tahun taksiran pelanggaran syarat berlaku.

Sekiranya IOT tiada pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran berlakunya pelanggaran syarat, KPHDN boleh memendekkan/ menarik balik status kelulusan IOT menggunakan kuasa di bawah seksyen 148 ACP.



Syarat dan larangan kelulusan merujuk:

- ❖ syarat-syarat dan larangan kelulusan yang dinyatakan pada **Bahagian B** dalam garis panduan kelulusan ini; dan
- ❖ syarat-syarat dan larangan kelulusan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

KPHDN atas budi bicaranya boleh menarik balik kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP berdasarkan merit kesalahan sesuatu pelanggaran syarat.

Ringkasan pelanggaran syarat dan larangan kelulusan oleh IOT.

Ringkasan Pelanggaran Syarat dan Larangan Kelulusan

1. Gagal atau lewat mengemukakan senarai aktiviti;

3. Gagal atau lewat mengemukakan senarai lengkap penderma dengan jumlah RM20,000 dan ke atas;

5. Gagal atau lewat mengemukakan penyata kewangan beraudit;

2. Gagal atau lewat mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP);

4. Gagal atau lewat mengemukakan senarai penerima bantuan;

6. Gagal mematuhi syarat peraturan perbelanjaan untuk objektif;



Ringkasan Pelanggaran Syarat dan Larangan Kelulusan - *sambungan*

7. Gagal mematuhi syarat peratusan penggunaan dana terkumpul untuk aktiviti perniagaan di bawah subseksyen 44(7A) (a) ACP 1967;

9. Menggunakan resit yang tidak mengikut format yang ditetapkan KPHDN;

11. Memiliki lebih 49% pegangan saham dalam anak syarikat dan menerima derma daripadanya;



8. Penyalahgunaan resit derma atau membenarkan pihak lain menggunakan resit derma IOT yang diluluskan;

10. Mengeluarkan resit kepada penderma yang tidak memberi maklumat lengkap;

12. Gagal melaksanakan sebarang aktiviti seperti dalam objektif;

Ringkasan Pelanggaran Syarat dan Larangan Kelulusan - *sambungan*

13. Melaksanakan aktiviti yang tidak selaras dengan objektif;

15. Gagal memaklumkan pertukaran alamat;

17. Memberi manfaat dan faedah kepada ALP/ALPA/AJK selain yang dibenarkan dalam perenggan 3.2.8;



14. Gagal mengemukakan pemakluman awal kepada KPHDN – pindaan perlembagaan, perubahan ALP/ALPA/AJK, pertambahan/ pengurangan aset;

16. Melaksanakan aktiviti luar negara tanpa kelulusan Menteri Kewangan;

18. Menyalahgunakan dana untuk aktiviti haram, pembiayaan aktiviti keganasan atau kepentingan tertentu pengasas/ ALP/ ALPA/ AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT;

Ringkasan Pelanggaran Syarat dan Larangan Kelulusan - *sambungan*

19. Terlibat dalam pengubahan wang haram; dan



20. Pelanggaran mana-mana syarat dan larangan kelulusan lain dalam surat kelulusan atau yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

4. PERINGATAN PENTING



The diagram features a central yellow circle with the text '4. PERINGATAN PENTING' in bold blue font. To the left is a dark blue circle with a white atom icon, and to the right is a dark blue circle with a white basketball icon. Two concentric curved arrows connect the left and right circles, with arrows pointing towards the central yellow circle. The background includes decorative blue and purple geometric shapes in the corners.



Mulai tahun taksiran 2024, sekiranya IOT melanggar mana - mana syarat kelulusan, IOT akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang mana perlanggaran syarat berlaku walaupun dalam tempoh kelulusan masih berkuatkuasa di bawah peruntukan subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.





TERIMA KASIH

**BAHAGIAN KELULUSAN DAN PEMANTAUAN
JABATAN DASAR PERCUKAIAN**